

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
KAMAR KHAS 17(1)

TAJUK UCAPAN : MASALAH BAU BUSUK DI KAWASAN
PAJAM, NEGERI SEMBILAN

UCAPAN : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]

TARIKH UCAPAN : 15 NOVEMBER 2016

KEMENTERIAN : KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
ALAM SEKITAR

UCAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap hari penduduk di sekitar Pajam dan Batang Benar terpaksa menghidu bau yang busuk yang berpunca daripada sebuah kilang memproses telur ayam, iaitu QL Poultry Sdn. Bhd di Pajam.

Penduduk-penduduk di kawasan Pajam dan Batang Benar terpaksa berdepan dengan masalah bau yang busuk tersebut bertahun-tahun tanpa sebarang jalan penyelesaian. Pada waktu-waktu tertentu, penduduk tidak dapat membuka pintu rumah mereka dan tidak boleh berada di luar kawasan rumah mereka kerana bau yang sangat busuk daripada kilang tersebut.

Keadaan ini amat menjejaskan kesihatan dan kualiti hidup penduduk-penduduk di kawasan sekeliling. Sebelum ini, banyak aduan telah dibuat kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Majlis Perbandaran Nilai, tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan diambil dan masalah bau busuk masih berlaku.

Satu laporan aduan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan bertarikh 19 Ogos 2014 menyatakan hasil siasatan yang telah dijalankan mendapati loading bay najis ayam yang membawa najis ini ke digester tidak ditutup. Pintu loading bay ini adalah jenis automatik yang hanya akan dibuka apabila ada loading daripada lori. Melalui pertanyaan terhadap penyelia kilang tersebut, diketahui bahawa screw feeder daripada loading bay ke digester tidak berfungsi kerana sistem motor tersebut telah rosak dan kini dalam proses baik pulih.

Selain itu, JASNS telah menjemput pihak Jabatan Veterinar Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Nilai dan QL Poultry Sdn Bhd untuk membincangkan pencemaran air dan bau pada 27 Ogos 2014. Tetapi sehingga hari ini masalah bau tersebut belum lagi diselesaikan.

Tambahan pula, beberapa kolam takungan najis ayam sedang beroperasi secara terbuka di kawasan kilang tersebut, iaitu di sebelah Lebuhraya LEKAS yang menghasilkan bau yang sangat kuat. Sepatutnya sebarang operasi yang mengakibatkan bau tersebut perlu dilakukan dalam kawasan tertutup supaya ia tidak mengganggu kehidupan penduduk setempat.

Selepas laporan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan,beberapaa duan telah dibuat kepada Majlis Perbandaran Nilai dan Jabatan Veterinar Negeri Sembilan, tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang perubahan dan masih penduduk di kawasan tersebut terpaksa menghidu bau yang busuk yang berpunca daripada kilang memproses telur ayam tersebut.

Justeru itu, saya ingin mengetahui apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menyelesaikan masalah bau busuk tersebut untuk memberikan keselesaan hidup kepada penduduk di Pajam?

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Premis QL Poultry Sdn Bhd telah dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Seremban (JPV) menerusi Enakmen Kawalan dan Perlesenan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas 1996 dan juga Majlis Perbandaran Nilai (MPN). Pengoperasian premis tersebut adalah dilesenkan bagi maksud penternakan ayam penelur dan peniagaan

Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mempunyai peruntukan bagi mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi menangani isu pencemaran bau dari aktiviti penternakan. Namun begitu, satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah dilaksanakan yang diterajui oleh Majlis Perbandaran Nilai dengan penglibatan agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta JAS. Perjumpaan sebanyak 4 kali setahun diadakan antara wakil premis, penduduk dan agensi yang terlibat bagi membincangkan isu pencemaran bau tersebut. Perjumpaan terakhir adalah pada 21 September 2016.

Segala tindakan dalam menangani masalah bau serta hasil/keberkesanan tindakan yang dijalankan oleh premis turut dibentangkan dalam perjumpaan ini.

Untuk makluman Yang di-Pertua, premis telah melaksanakan sistem pengurusan tahi ayam dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 100 tan sehari yang efisien dengan cara menghantar ke kolam ikan, ladang kelapa sawit dan pemprosesan baja organik secara tertutup.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan akan segera menyiasat sekiranya terdapat aduan mengenai pencemaran air yang disyaki dari premis tersebut yang akan terus masuk ke Sungai Pajam dan sebarang bentuk pencemaran lain seperti pencemaran tanah.

Walau bagaimanapun, siasatan pada hari ini (15 November 2016) oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan mendapati masih terdapat bau yang boleh dihidu dari Lebuhraya berhampiran, justeru itu pihak Kementerian akan mencadangkan lesen pengoperasian premis ini dikaji semula atau ditarik balik oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

